

05/10/1998

Dua bahagian sudah beri penjelasan

SABAK BERNAM, Ahad - Dua daripada empat bahagian Umno di Selangor, yang didakwa menerima peruntukan kewangan antara RM1 juta dan RM2 juta daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah memberi penjelasan berhubung dakwaan itu kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Abu Hassan Omar.

Dua bahagian terbabit ialah Umno bahagian Kuala Langat dan Ampang Jaya manakala dua lagi iaitu Gombak dan Sabak Bernam dijangka memberi penjelasan itu dalam tempoh terdekat ini.

Abu Hassan yang juga Menteri Besar Selangor mengesahkannya, berkata dua Umno bahagian terbabit memberi penjelasan bahawa semua pemimpin di bahagian itu tidak pernah menerima peruntukan kewangan antara RM1 juta dan RM2 juta daripada Anwar ketika menjadi Timbalan Presiden parti.

"Saya berpuas hati dengan penjelasan mereka. Bagaimanapun, mereka tetap diminta menjalankan siasatan dan mengemukakan kepada Badan Perhubungan Umno Selangor secepat mungkin," katanya, di sini.

Beliau berkata, pihaknya kini masih menunggu penjelasan daripada Umno bahagian Sabak Bernam dan Gombak berhubung dakwaan itu.

"Isu ini ditimbulkan oleh pihak akhbar. Bagaimanapun, kita mengambil perhatian serius dan sebaik sahaja empat bahagian itu mengemukakan laporan, kita akan bincangkan di mesyuarat perhubungan Umno, minggu depan.

"Kalau ada bahagian yang terbabit, kita akan ambil tindakan sewajarnya kepada bukti siasatan sejauh mana pembabitan mereka dalam kegiatan itu," katanya.

Berita Harian difahamkan, Ketua Umno bahagian Kuala Langat, Datuk Abdul Fatah Iskandar dan Ketua Umno bahagian Ampang Jaya, Datuk Mufti Suib menemui Abu Hassan untuk memberi penjelasan itu sekali gus menafikan pembabitan dalam apa yang didakwa untuk mengulingkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden parti di Shah Alam, Khamis lalu.

Sementara itu, Ketua Umno bahagian Sabak Bernam, Datuk Mahbud Hashim turut menafikan sama ada beliau atau ahli jawatankuasa bahagian itu ada menerima peruntukan kewangan antara RM1 juta dan RM 2 juta seperti didakwa sebelum ini.

"Saya diamanahkan menerajui bahagian ini dalam pemilihan baru-baru ini dan saya tidak mahu kepercayaan ahli tergugat kerana dakwaan itu," katanya.

Beliau berkata, bahagian ini tetap berdiri teguh di belakang Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abu Hassan selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor.

(END)